

Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah dalam Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah

(Teachers' Readiness Towards Implementation of Outdoor Classroom Learning in History Subject at Elementary School)

Kalpna Mohan^{1*} , Anuar Ahmad² , Norasmah Othman³ 

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p118656@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: anuarmd@ukm.edu.my

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: lin@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Kalpna Mohan
(p118656@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Kesediaan guru
Pengetahuan
Kemahiran
Sikap

KEYWORDS:

Teachers' readiness
Knowledge
Skills
Attitudes

CITATION:

Kalpna Mohan, Anuar Ahmad, & Norasmah Othman. (2024). Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah dalam Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), e002652.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2652>

ABSTRAK

Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) merupakan salah satu pendekatan alternatif yang memberikan pengalaman autentik di luar persekitaran bilik darjah. Pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah membantu murid menghubungkan pengetahuan teori dengan konteks yang nyata sambil memperoleh pengalaman yang menyeronokkan dan bermakna. Faktor yang penting dalam menayakan pelaksanaan PLBD adalah kesediaan guru. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan guru terhadap pelaksanaan PLBD dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam mata pelajaran Sejarah. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif iaitu kajian tinjauan dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 169 orang guru Sejarah sekolah rendah di daerah Pasir Gudang, Johor telah dipilih sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan kesediaan guru melaksanakan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah berada pada tahap sederhana tinggi. Ujian hipotesis menjelaskan terdapat hubungan signifikan yang kuat antara pengetahuan dengan kemahiran guru serta korelasi signifikan yang sederhana antara pengetahuan dan kemahiran dengan sikap guru dalam pelaksanaan PLBD. Implikasi kajian ini membantu pihak kementerian meninjau keberhasilan menerusi tahap kesediaan guru dan seterusnya merancang strategi yang sesuai. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada guru-guru Sejarah untuk meningkatkan standard pengajaran dan mengembangkan keupayaan pengajaran bertaraf dunia yang diperlukan dalam milenium baru.

ABSTRACT

Outdoor Classroom Learning (OCL) is one of the alternative approaches that provide authentic experiences outside the classroom environment. The implementation of OCL in History subject helps students connect theoretical knowledge with real-life contexts while gaining enjoyable and meaningful experiences. An essential factor in the success of OCL implementation is the readiness of teachers. Therefore, this study aims to identify teachers' readiness for OCL implementation in terms of knowledge, skills and attitudes in History subject. The research design is quantitative, using a survey and a questionnaire as the research instruments. A total of 169 History teachers from primary schools in the Pasir Gudang district, Johor, were selected as respondents. The study results indicate that teachers' readiness to implement OCL in History subject is at a moderately high level. Hypothesis testing reveals a strong significant relationship between teachers' knowledge and skills, as well as a moderate significant correlation between knowledge and skills with teachers' attitudes in the implementation of OCL. The implications of this study assist the ministry in assessing the strengths and weaknesses of teachers through their readiness levels, leading to the development of appropriate strategies. Therefore, this study is expected to provide exposure to History teachers to enhance the standard of teaching and develop world-class teaching capabilities needed in the 21st century millennium.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini mendapati bahawa kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan PLBD berada pada tahap sederhana tinggi. Jadi, kajian ini dapat dijadikan panduan kepada literatur sedia ada bagi penambahbaikan pelaksanaan PLBD.

1. Pengenalan

Melangkah ke tahun 2024 ini, kebimbangan masyarakat dan keadaan semasa telah menjadikan bidang pendidikan semakin kompetitif kerana dorongan faktor utama seperti globalisasi, keterbukaan sosial, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pendidikan digital dan jangkaan pihak berkepentingan yang semakin meningkat (Abbas et al. 2023). Kadar perubahan dalam masyarakat yang jauh lebih maju dengan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) membolehkan tugas-tugas dilaksanakan dengan lebih mekanistik memberi impak terhadap keperluan untuk guru dalam merancang pembelajaran yang bermakna kepada murid (Vincent-Lancrin et al. 2019). Ekoran daripada itu, interaksi murid kepada alam semula jadi semakin berkurang akibat kebergantungan terhadap teknologi dan kaedah pendidikan berasaskan skrin dalam era digital (Afshar et al. 2021).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sering melakukan perubahan dalam kurikulum dan pedagogi agar dapat membentuk murid yang beradab, berakhlak dan berintegriti seperti yang terkandung dalam konsep Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC). Guru sebagai agen pelaksana inovasi sentiasa mempelbagaikan kaedah pembelajaran bagi mewujudkan pembelajaran yang bermakna. Kesediaan guru menjadi faktor penting dalam menjayakan transformasi pendidikan negara yang turut memfokuskan kepada keberkesanan PdP di

dalam bilik darjah (Tumanduk et al., 2018). Salah satu inovasi strategi pembelajaran yang disarankan oleh KPM dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah ialah Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2021). PLBD merupakan strategi pengajaran terancang yang dilaksanakan di luar persekitaran bertunjangkan kaedah '*experiential learning*' dalam membangunkan potensi individu secara holistik (Parry & Allison, 2019). Kaedah ini meningkatkan penglibatan dan interaksi murid dalam PdP Sejarah dengan menyediakan pengalaman yang nyata tentang bagaimana dunia ini berfungsi dan cara seseorang boleh bertindak untuk mengubahnya, bukannya hanya menerima secara pasif pemahaman orang lain (Wayne Ross, 2019).

1.1. Pernyataan Masalah

Bidang pendidikan semakin mengalami transformasi yang signifikan, terutama dalam aspek pedagogi (Norliza, 2016). Sehubungan itu, kesediaan guru memainkan peranan penting dalam menjayakan sistem pendidikan negara dengan menitikberatkan keberkesanan PdP. Guru perlu melakukan inovasi dalam pengajaran dengan mempelbagaikan kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid untuk memupuk penghayatan pembelajaran Pendidikan Sejarah di dalam bilik darjah (Kiamsin & Talin, 2018). Namun, kebanyakan guru berasa selesa dan berpuas hati dengan keadaan semasa serta berasa terancam dengan perubahan yang berlaku menjadi cabaran bagi mereka untuk terlibat secara aktif dalam transformasi kurikulum (Nurulhuda, 2013). Isu ini mendorong kajian dilakukan untuk menilai sejauh mana guru-guru bersedia untuk menerima perubahan terhadap pelaksanaan PLBD kerana faktor kegagalan sesuatu inovasi dapat dikaitkan dengan ketidaksediaan guru yang hanya melaksanakan rancangan pihak kerajaan. Sedangkan, guru memainkan peranan penting sebagai agen penggerak utama dalam proses pendidikan dan faktor kesediaan guru menjadi penentu kejayaan atau kegagalan suatu inovasi (Emo, 2015).

Selain daripada itu, kebanyakan guru dilihat kurang kompeten dalam melaksanakan PdP Sejarah. Guru-guru masih selesa menggunakan kaedah pengajaran tradisional yang lebih berpusatkan guru dan kurang mengintegrasikan pendekatan berpusatkan murid (Fazila & Mohd Mahzan, 2019). Ketidakmampuan menggunakan amalan pedagogi yang dinamik dan kekurangan inovasi serta kreativiti memaparkan kekurangan dalam profesionalisme guru Sejarah itu sendiri (Ozerk, 2020). Meskipun PLBD merupakan kaedah pengajaran yang sudah lama diperkenalkan, namun masih segelintir guru kurang memahami hala tuju, matlamat dan cara pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah. Kelemahan amalan pedagogi ini menyukarkan guru Sejarah kurang berjaya mencapai matlamat pendidikan Sejarah sebagaimana yang telah ditetapkan (Abd Hamid, Ahmad & Awang, 2019). Justeru, adalah sangat penting bagi guru Sejarah untuk bersedia dengan rapi sama ada sebelum, semasa atau selepas sesi pengajaran agar segala ilmu yang dicurahkan dapat difahami dan dihayati dengan betul serta sesuai terutamanya semasa membuat tafsiran peristiwa masa lalu.

Penghayatan Sejarah memiliki hubungan yang erat dengan masyarakat kerana Sejarah merupakan cerminan dari perkembangan, perubahan, dan pengalaman masyarakat dari masa lampau (Holland et al., 2018). PdP Sejarah di dalam bilik darjah membolehkan pemikiran murid terbatas akibat kekurangan penglibatan murid dengan dunia sebenar (Mohamad Ikhwan & Anuar Ahmad, 2018). Sehubungan itu, PLBD merupakan salah satu kaedah pengajaran yang efektif kerana murid membina pengalaman dan penghayatan di luar konteks sekolah (Foran, 2008). Isu-isu yang ditimbulkan telah mewujudkan jurang di antara kesediaan guru dengan keberkesanan pelaksanaan PLBD dari aspek pengetahuan,

kemahiran dan sikap. Berikutan itu, terdapat satu keperluan untuk melaksanakan kajian bagi

- i. mengenal pasti tahap pengetahuan guru Sejarah terhadap pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah.
- ii. mengenal pasti tahap kemahiran guru Sejarah terhadap pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah.
- iii. mengenal pasti tahap sikap guru Sejarah terhadap pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah.
- iv. mengenal pasti hubungan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru Sejarah terhadap pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah.

2. Sorotan Literatur

2.1. Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang melibatkan pengalaman langsung di luar batasan persekitaran bilik darjah yang bertemankan empat dinding (Bozkurt, 2021). Pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah memberikan peluang kepada murid untuk menguji idea dan konsep dalam dunia sebenar tentang isu-isu yang berlaku serta bekerja secara efektif dalam kumpulan untuk membuat kesimpulan (McGuinness & Simm, 2005). Selain itu, PLBD juga membantu murid belajar daripada pengalaman mereka sendiri sehingga menjadi warganegara yang bertanggungjawab, memahami dan menghargai warisan semula jadi serta budaya negara. Seperti yang dijelaskan oleh Wayne Ross (2019), Pendidikan Sejarah sepatutnya mencipta pemahaman peribadi tentang bagaimana dunia ini sebenarnya dan cara seseorang boleh bertindak untuk mengubahnya, bukannya hanya menerima dengan pasif pemahaman orang lain tentang dunia. Kaedah pengajaran Sejarah ini menjadi pentas di mana murid dapat mengembangkan makna peribadi tentang dunia dan menyedari bahawa mereka adalah pelaku yang akan mengubah dunia melalui tindakan mereka.

Terdapat tiga model kaedah PLBD seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006). Model PLBD 1 melibatkan aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah yang dijalankan di kawasan sekolah tetapi bukan di dalam bilik darjah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006). Pelajar akan mendapatkan pengalaman praktikal dalam menggunakan peralatan dan sumber yang tersedia dalam kawasan sekolah untuk memperdalam pemahaman mereka tentang konsep-konsep yang dipelajari. Model PLBD 2 melibatkan aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah yang dijalankan di kawasan berhampiran sekolah, seperti kawasan kampung atau luar pagar sekolah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006). Pelajar akan dibawa ke persekitaran luar bilik darjah yang berdekatan dengan sekolah mereka, tetapi masih dalam jarak yang mudah diakses. Manakala, Model PLBD 3 melibatkan aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah yang dijalankan di tempat yang jauh dari kawasan sekolah yang memerlukan kebenaran dan sokongan dari Pejabat Pendidikan Daerah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006). Aktiviti ini termasuk lawatan jarak jauh ke tempat-tempat seperti muzium, institusi pendidikan tinggi, arkib atau destinasi lain yang relevan dengan pembelajaran. Sehubungan itu, pelaksanaan PLBD memerlukan kesediaan guru dalam perancangan yang teliti sebelum, semasa, dan selepas aktiviti tersebut (Hunter et al., 2020).

2.2. Kesediaan Guru

Kesediaan guru merupakan persiapan dan keyakinan seseorang terhadap kemampuan untuk memikul tanggungjawab dalam menyampaikan pengetahuan (Habib, 2005; Raja Maznah & Norizan, 2008) untuk membantu murid-murid mencapai hasil pembelajaran yang melibatkan aspek mental, fizikal dan spiritual. Aspek mental yang dinyatakan merujuk kepada kesediaan guru dari aspek pengetahuan, aspek fizikal pula merujuk kepada kemahiran guru dan aspek spiritual meliputi sikap seseorang guru. Dalam konteks kajian ini, kesediaan guru merujuk kepada kemampuan guru-guru Sejarah sebagai pendidik yang berpengetahuan dan mahir untuk mengaplikasikan kaedah PLBD dalam proses PdP Sejarah. Guru yang penuh semangat dan mempunyai kesediaan yang tinggi akan lebih yakin untuk menjalankan tugas yang diberikan kepada mereka (Dubrin, 2002).

Pengetahuan merupakan maklumat yang digabungkan dengan pengalaman, pembelajaran, tafsiran, refleksi, gerak hati dan kreativiti (Karlsen & Gottschalk, 2004). Sehubungan itu, pengetahuan guru melibatkan kefahaman yang dimiliki oleh guru berkaitan PLBD dari segi matlamat, konsep, kriteria, elemen dan prosedur pelaksanaan sebagai satu kaedah PdP Sejarah. Seterusnya, kemahiran merupakan kebolehan individu untuk menaakul, mengamalkan dan melaksanakan sesuatu kaedah pengajaran yang melibatkan gabungan intelek dan kemahiran motor (Saipo, 2005). Kemahiran membolehkan guru memilih tingkah laku atau tindakan yang paling sesuai untuk memenuhi keperluan tugas. Aspek kemahiran dilihat dari sudut kemampuan dan kecekapan guru-guru dalam pelaksanaan kaedah PLBD. Sementara itu, sikap pula merupakan kecenderungan seseorang untuk memberikan respons sama ada secara positif atau negatif terhadap sesuatu objek, manusia dan peristiwa-peristiwa tertentu (Chakraborty & Mondal, 2014). Dengan itu, seseorang guru perlu bersedia dari segi persepsi, keyakinan dan inisiatif terhadap pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, seperti kajian Borsos et al. (2022) dan Oikonomou (2012) boleh dirumuskan bahawa kesediaan guru dari aspek pengetahuan berada pada tahap rendah semasa melaksanakan kaedah PLBD. Selain itu, menurut Çengelci (2013) guru-guru percaya bahawa kandungan mata pelajaran Sejarah sesuai untuk pembelajaran di luar bilik darjah. Namun, mereka menghadapi cabaran berkaitan dengan kekangan waktu dan tingkah laku pelajar. Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menunjukkan kaedah PLBD mendatangkan banyak manfaat kepada murid seperti meningkatkan Kemahiran Pemikiran Sejarah, menjadikan pembelajaran Sejarah yang menyeronokkan dan menyenangkan dalam kalangan murid, mendorong murid untuk meneroka sumber Sejarah dan meningkatkan motivasi dan sikap untuk belajar. Namun, kajian tentang kesediaan guru terhadap pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah masih kurang dilaksanakan dalam Malaysia berbanding luar negara.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Reka bentuk kajian ini diimplementasikan dalam bentuk kaedah tinjauan deskriptif dan inferensi. Pemilihan kaedah tinjauan dilakukan kerana ia sangat sesuai dalam menyediakan gambaran menyeluruh mengenai tingkah laku, sikap, dan kepercayaan terhadap populasi (Mills & Gay, 2016).

3.2. Lokasi Kajian

Sebanyak 53 buah sekolah rendah kebangsaan di daerah Pasir Gudang, Johor dijadikan sebagai lokasi kajian. Pemilihan daerah Pasir Gudang daripada negeri Johor sebagai lokasi kajian adalah kerana daerah ini merupakan salah satu lokasi yang mempunyai jumlah guru opsyen Sejarah tertinggi iaitu sebanyak 300 orang. Sekolah rendah yang terlibat adalah terdiri daripada sekolah harian biasa di kawasan bandar dan luar bandar.

3.3. Populasi dan Persampelan Kajian

Data yang diperolehi dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pasir Gudang menunjukkan jumlah populasi adalah seramai 300 orang guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah. Justeru, dengan menggunakan Jadual penentuan saiz sampel [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#), seramai 169 orang guru Sejarah sahaja dilibatkan dalam kajian.

3.4. Instrumen Kajian

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini untuk menilai kesediaan guru Sejarah melaksanakan PLBD dalam pengajaran dan pembelajaran. Kesediaan guru pula merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap pelaksanaan PLBD. Borang soal selidik dibina berpandukan Modul Pembelajaran Luar Bilik Darjah dan juga diadaptasi daripada kajian-kajian lepas seperti [Prasetya, Segara dan Imron \(2020\)](#), [Waite \(2011\)](#) dan [Parker \(2022\)](#). Soal selidik ini merangkumi kepada empat bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat berkaitan profil responden kajian. Bahagian B adalah tentang kesediaan guru dari aspek pengetahuan yang mengandungi 12 item, Bahagian C meliputi kesediaan guru dari aspek kemahiran dengan 8 item dan Bahagian D tentang kesediaan guru dari aspek sikap dengan 14 item. Setiap item soalan pada Bahagian B, C dan D mempunyai lima pilihan jawapan dengan skala 1 – Sangat Tidak Setuju, 2 – Tidak Setuju, 3 – Kurang Setuju, 4 – Setuju dan 5 – Sangat Setuju.

Selepas itu, borang soal selidik tersebut diberikan kepada tiga orang pakar yang memiliki pengalaman luas dalam Pendidikan Sejarah untuk tujuan mendapatkan kesahan muka dan kandungan. Pembetulan telah dilakukan dan kritikan dari panel telah dipertimbangkan untuk meningkatkan kesahihan item soal selidik sebelum kajian rintis dilaksanakan. Justeru, nilai kesahan konstruk pengetahuan adalah antara 0.712 hingga 0.884. Manakala bagi konstruk kemahiran adalah antara 0.831 hingga 0.937 serta konstruk sikap adalah 0.409 hingga 0.815. Berdasarkan ujian skala *reliability* menggunakan perisian SPSS, nilai koefisien *Cronbach Alpha* bagi tahap pengetahuan guru ialah 0.968, tahap kemahiran ialah 0.957, tahap sikap guru ialah 0.886 dan nilai Alpha keseluruhan instrumen adalah tinggi iaitu 0.967. Nilai pekali kebolehpercayaan yang melebihi 0.80 boleh dianggap baik dan menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi ([Chua, 2014](#)). Ini bermakna instrumen yang digunakan untuk kajian ini adalah boleh diterima pakai.

3.5. Tatacara Penganalisan Data

Data-data yang dikumpulkan melalui borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) windows versi 25.0. Analisis deskriptif telah digunakan bagi menjawab objektif kajian dengan membandingkan skor min aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Skor min yang diperolehi dirujuk seperti yang dicadangkan oleh [Nunnally dan Bernstein \(1994\)](#) yang membahagikan kepada empat

tahap interpretasi min untuk digunakan dalam kajian ini. Pemeringkatan skala skor min seperti dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1: Skala Skor Min dan Interpretasi

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Penganalisan data diteruskan menerusi analisis inferensi yang digunakan bagi menjawab objektif kajian yang keempat iaitu Korelasi Pearson. Korelasi ini digunakan untuk menguji hubungan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru Sejarah terhadap pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah. Setelah memperoleh maklumat dari kajian rintis, pengkaji mengedarkan borang soal selidik melalui *Google Form* kepada responden. Tempoh pelaksanaan kajian dilakukan selama lapan minggu. Pengkaji kemudian menganalisis dan menginterpretasikan data selepas memperoleh data kajian dari responden yang telah mengisi borang soal selidik.

4. Hasil Kajian

4.1. Demografi Responden

Demografi responden dalam kajian ini merujuk kepada latar belakang responden iaitu jantina, pengalaman mengajar dan opsyen. Seramai 169 orang guru yang terlibat sebagai responden kajian. Demografi responden kajian seperti ditunjukkan dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2 : Demografi responden mengikut jantina, pengalaman mengajar dan opsyen

Demografi	Frekuensi n=169	Peratus %	
Jantina	Lelaki	58	34.3
	Perempuan	111	65.7
Pengalaman mengajar	1 hingga 5 tahun	67	39.6
	6 hingga 10 tahun	28	16.6
	11 hingga 15 tahun	19	11.2
	16 hingga 20 tahun	19	11.2
	21 tahun ke atas	36	21.3
Opsyen	Sejarah	87	51.5
	Bukan Sejarah	82	48.5

Analisis data pada [Jadual 2](#) menunjukkan seramai 58 orang (34.3%) adalah terdiri daripada guru lelaki, manakala seramai 111 orang (65.7%) lagi terdiri daripada guru perempuan. Ini menunjukkan bahawa jumlah responden dalam kalangan guru perempuan melebihi jumlah guru lelaki dalam kajian ini. Berdasarkan pengalaman mengajar responden, seramai 67 orang (39.3%) telah mengajar di antara 1 hingga 5 tahun dan merupakan golongan guru yang masih muda berkhidmat dalam dunia pendidikan. Seramai 28 orang (16.6%) telah mempunyai pengalaman mengajar di antara 6 hingga 10 tahun diikuti dengan 19 orang (11.2%) mempunyai pengalaman mengajar di antara 11 hingga 15 tahun serta 19 orang lagi (11.2%) merupakan guru yang mempunyai

pengalaman mengajar di antara 16 hingga 20 tahun. Seramai 36 orang (21.3%) telah mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 21 tahun dan merupakan golongan guru yang berpengalaman dalam dunia pendidikan. Seterusnya, bagi opsyen guru pula terdapat 87 orang (51.5%) terdiri daripada guru opsyen Sejarah dan 82 orang (48.5%) merupakan guru bukan opsyen Sejarah.

4.2. Mengenal Pasti Tahap Pengetahuan Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan PLBD Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Pengukuran tahap pengetahuan guru Sejarah dinilai daripada keseluruhan min dan kekerapan tertinggi responden kajian. [Jadual 3](#) menerangkan secara terperinci mengenai kekerapan dan peratusan bagi menentukan tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek pengetahuan terhadap pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD). Keseluruhan analisis menunjukkan tahap pengetahuan guru Sejarah berada pada tahap sederhana tinggi dengan purata min sebanyak 3.77 dan nilai sisihan piawai sebanyak 0.61. Dua belas item dianalisis bagi mengenal pasti tahap pengetahuan guru yang terdiri daripada item B1 hingga B12.

Secara umumnya, pernyataan item 7 “Saya tahu kepentingan melaksanakan PLBD” mencatatkan peratusan persetujuan tertinggi iaitu 83.4% (S=68.0% dan SS=15.4%). Manakala, item 4 yang diwakili oleh pernyataan “Saya tahu teori-teori berkaitan pelaksanaan PLBD” memperoleh peratusan persetujuan terendah iaitu pada 50.3% (S=43.2% dan SS=7.1%) serta peratusan kurang setuju yang tertinggi (KS=43.2%). Ini menunjukkan guru Sejarah yang dikaji sentiasa cakna terhadap kepentingan pelaksanaan PLBD dengan melibatkan diri dalam pembangunan profesional yang berterusan untuk memperoleh pengetahuan dan perspektif baru tentang perubahan pendidikan abad ke-21. Bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa terdapat 43.2 peratus guru Sejarah kurang bersetuju tentang item 4. Ini kerana ramai guru Sejarah masih belum mempunyai kebolehan dan keyakinan sepenuhnya dalam mengetahui teori yang digunakan sewaktu mengaplikasikan teknik PLBD dalam pengajaran dan pembelajaran. Kekurangan kesediaan guru dari segi pengetahuan berkaitan teori-teori pelaksanaan PLBD akan menyebabkan pengaplikasian kaedah ini kurang berkesan dalam mata pelajaran Sejarah. Keadaan ini turut menyebabkan min tahap pengetahuan guru Sejarah berada pada tahap sederhana tinggi dan masih memerlukan penambahbaikan.

Jadual 3: Tahap Pengetahuan Guru Sejarah

Item	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS
		n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)
B1	Saya tahu definisi PLBD.	1 (0.6)	2 (1.2)	28 (16.6)	97 (57.4)	41 (24.3)
B2	Saya tahu ciri-ciri pelaksanaan PLBD.	1 (0.6)	6 (3.6)	35 (20.7)	101 (59.8)	26 (15.4)
B3	Saya tahu objektif pelaksanaan PLBD.	1 (0.6)	6 (3.6)	38 (22.5)	99 (58.6)	25 (14.8)
B4	Saya tahu teori-teori berkaitan pelaksanaan PLBD	3 (1.8)	8 (4.7)	73 (43.2)	73 (43.2)	12 (7.1)
B5	Saya tahu model kaedah pelaksanaan PLBD.	3 (1.8)	9 (5.3)	67 (39.6)	75 (44.4)	15 (8.9)
B6	Saya tahu prosedur pelaksanaan PLBD (sebelum, semasa dan selepas).	3 (1.8)	4 (2.4)	47 (27.8)	96 (56.8)	19 (11.2)

B7	Saya tahu kepentingan melaksanakan PLBD.	1 (0.6)	5 (3.0)	22 (13.0)	115 (68.0)	26 (15.4)
B8	Saya tahu jenis aktiviti yang boleh dijalankan di bawah PLBD.	1 (0.6)	4 (2.4)	40 (23.7)	101 (59.8)	23 (13.6)
B9	Saya tahu proses penilaian PLBD.	1 (0.6)	8 (4.7)	51 (30.2)	91 (53.8)	18 (10.7)
B10	Saya tahu peranan guru dalam melaksanakan PLBD.	1 (0.6)	6 (3.6)	23 (13.6)	117 (69.2)	22 (13.0)
B11	Saya tahu sumber yang boleh digunakan dalam pelaksanaan PLBD.	2 (1.2)	5 (3.0)	47 (27.8)	96 (56.8)	19 (11.2)
B12	Saya tahu faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi pelaksanaan PLBD.	2 (1.2)	4 (2.4)	54 (32.0)	95 (56.2)	14 (8.3)
Purata Min		= 3.77				
Sisihan Piawai		= 0.61				
Tahap		= Sederhana Tinggi				

4.3. Mengenal Pasti Tahap Kemahiran Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan PLBD Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Tahap kemahiran guru Sejarah dalam melaksanakan PLBD dinilai daripada keseluruhan min dan kekerapan tertinggi responden kajian sebagaimana dalam [Jadual 4](#). Min keseluruhan bagi tahap kemahiran guru Sejarah ialah 3.65 dengan nilai sisihan piawai 0.68. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru Sejarah mempunyai kemahiran dalam melaksanakan PLBD yang sederhana tinggi. Analisis terperinci menerangkan berkaitan kedudukan kekerapan setiap item bermula dengan peratusan persetujuan tertinggi hingga terendah.

Jadual 4: Tahap Kemahiran Guru Sejarah

Item	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS
		n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)
C1	Saya mahir melaksanakan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah.	4 (2.4)	9 (5.3)	54 (32.0)	87 (51.5)	15 (8.9)
C2	Saya mahir dalam memilih model kaedah PLBD yang sesuai dalam mata pelajaran Sejarah.	3 (1.8)	14 (8.3)	71 (42.0)	65 (38.5)	16 (9.5)
C3	Saya mahir memilih aktiviti pengajaran yang sesuai di bawah PLBD.	2 (1.2)	7 (4.1)	51 (30.2)	93 (55.0)	16 (9.5)
C4	Saya mahir melaksanakan PLBD mengikut aktiviti pengajaran yang dipilih.	2 (1.2)	9 (5.3)	45 (26.6)	94 (55.6)	19 (11.2)
C5	Saya mahir membuat penilaian selepas pelaksanaan PLBD.	2 (1.2)	6 (3.6)	59 (34.9)	85 (50.3)	17 (10.1)
C6	Saya mahir memupuk kolaborasi dalam kalangan murid semasa melaksanakan PLBD.	1 (0.6)	7 (4.1)	44 (26.0)	97 (57.4)	20 (11.8)

C7	Saya sentiasa kreatif dalam pelaksanaan PLBD.	2 (1.2)	4 (2.4)	50 (29.6)	90 (53.3)	23 (13.6)
C8	Saya sering mengaitkan PLBD dengan pembangunan kelestarian.	2 (1.2)	7 (4.1)	56 (33.1)	88 (52.1)	16 (9.5)
Purata Min = 3.65						
Sisihan Piawai = 0.68						
Tahap = Sederhana Tinggi						

Item 6 sebanyak 69.2% (S=57.4% dan SS=11.8%) mendapat persetujuan tertinggi daripada guru Sejarah yang mahir memupuk kolaborasi dalam kalangan murid semasa melaksanakan PLBD. Manakala, item 2 yang diwakili oleh pernyataan “Saya mahir dalam memilih model kaedah PLBD yang sesuai dalam mata pelajaran Sejarah” memperoleh peratusan persetujuan terendah iaitu 48.0% (S=38.5% dan SS=9.5%) serta peratusan kurang setuju yang tertinggi (KS=42.0%). Ini bermaksud guru Sejarah yang dikaji mahir dalam menggalakkan kolaborasi semasa pelaksanaan PLBD seiring perubahan pendidikan abad ke-21 yang menekankan pendekatan pembelajaran aktif yang berpusatkan pelajar. Meskipun, dapatan kajian menunjukkan terdapat 42 peratus guru Sejarah kurang setuju mengenai item 2. Ini kerana kebanyakan guru Sejarah belum mencapai kemahiran untuk memilih model kaedah PLBD yang berkesan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang. Keadaan ini memberi kesan terhadap pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah kurang berjaya disebabkan oleh kekurangan kesediaan guru dari segi kemahiran dalam pemilihan model PLBD. Hal ini turut menyumbang min tahap kemahiran guru Sejarah berada pada tahap sederhana tinggi dan masih perlu diberi penekanan.

4.4. Mengenal Pasti Tahap Sikap Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan PLBD Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Pengukuran sikap guru Sejarah dalam melaksanakan PLBD dinilai daripada keseluruhan min dan kekerapan tertinggi responden kajian. [Jadual 5](#) menunjukkan kekerapan dan peratusan sikap guru Sejarah terhadap pelaksanaan PLBD. Analisis menunjukkan min keseluruhan bagi sikap guru Sejarah ialah 3.92 dengan nilai sisihan piawai 0.5. Dapatan menerangkan bahawa secara keseluruhannya guru Sejarah memiliki tahap sikap yang sederhana tinggi dalam melaksanakan PLBD.

Jadual 5 : Tahap Sikap Guru Sejarah

Item	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS
		n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)
D1	Pelaksanaan PLBD memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21.	1 (0.6)	2 (1.2)	21 (12.4)	103 (60.9)	42 (24.9)
D2	Pelaksanaan PLBD meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.	1 (0.6)	2 (1.2)	18 (10.7)	105 (62.1)	43 (25.4)
D3	Pelaksanaan PLBD melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran.	1 (0.6)	1 (0.6)	15 (8.9)	97 (57.4)	55 (32.5)
D4	Pelaksanaan PLBD menjadikan pembelajaran pelajar lebih terkait dan relevan.	1 (0.6)	1 (0.6)	17 (10.1)	96 (56.8)	54 (32.0)

D5	Pelaksanaan PLBD efektif dalam melatih pelajar berfikir di luar kotak.	1 (0.6)	0	20 (11.8)	100 (59.2)	48 (28.4)
D6	Pelaksanaan PLBD diyakini mampu menarik minat pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.	1 (0.6)	0	17 (10.1)	105 (62.1)	46 (27.2)
D7	Pelaksanaan PLBD dapat meningkatkan kualiti pengalaman pembelajaran pelajar.	1 (0.6)	1 (0.6)	19 (11.2)	99 (58.6)	49 (29.0)
D8	Saya risau untuk mempraktikkan PLBD dalam aktiviti pembelajaran pelajar saya.	17 (10.1)	59 (34.9)	35 (20.7)	41 (24.3)	17 (10.1)
D9	Saya sentiasa membuat inovasi dalam pelaksanaan PLBD mengikut kesesuaian topik yang diajar.	2 (1.2)	5 (3.0)	39 (23.1)	98 (58.0)	25 (14.8)
D10	Saya berpendapat PLBD hanya menambah beban guru.	20 (11.8)	58 (34.3)	44 (26.0)	27 (16.0)	20 (11.8)
D11	Saya sentiasa berbincang dengan guru lain bagi mengatasi kelemahan dalam pelaksanaan PLBD.	1 (0.6)	9 (5.3)	35 (20.7)	95 (56.2)	29 (17.2)
D12	Saya bersedia berkerjasama dengan guru Sejarah yang lain bagi menjayakan pelaksanaan PLBD.	0	3 (1.8)	19 (11.2)	103 (60.9)	44 (26.0)
D13	Saya sedia untuk mengikuti kursus yang boleh menambah kemahiran saya berkaitan PLBD.	0	1 (0.6)	23 (13.6)	97 (57.4)	48 (28.4)
D14	Saya menggalakkan pelajar untuk berinteraksi secara aktif ketika pelaksanaan PLBD.	0	1 (0.6)	17 (10.1)	100 (59.2)	51 (30.2)
Purata Min = 3.92						
Sisihan Piawai = 0.50						
Tahap = Sederhana Tinggi						

Pernyataan item 3 iaitu “Pelaksanaan PLBD melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran” mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 89.9% ($S=57.4\%$ dan $SS=32.5\%$). Manakala, item 10 yang diwakili oleh pernyataan “Saya berpendapat PLBD hanya menambah beban guru” memperoleh peratusan terendah iaitu pada 27.8% ($S=16.0\%$ dan $SS=11.8\%$) serta peratusan kurang setuju yang tertinggi ($KS=26\%$). Guru yang memaparkan sikap yang tinggi akan menimbulkan rasa ingin tahu dalam kalangan murid untuk belajar. Keadaan ini dapat memberi peluang kepada murid untuk aktif belajar menerusi pengalaman dalam persekitaran yang seronok dan bermakna. Tambahan pula, guru Sejarah yang dikaji berpendapat PLBD tidak menjadi satu bebanan kepada mereka. Jadi, guru yang mempunyai semangat tinggi akan lebih yakin mengatasi segala rintangan yang wujud dalam menjalankan aktiviti di luar bilik darjah.

4.5. Mengenal Pasti Hubungan Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru-Guru Sejarah Terhadap Pelaksanaan PLBD Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Ujian korelasi Pearson dilaksanakan ke atas data yang melibatkan pengetahuan dan kemahiran, pengetahuan dan sikap serta kemahiran dan sikap bagi melihat kekuatan hubungan di antara dua pemboleh ubah. [Jadual 6](#) memaparkan dapatan ujian korelasi Pearson bagi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Sejarah dalam melaksanakan Pembelajaran Luar Bilik Darjah.

Jadual 6: Analisis Korelasi Pearson Antara Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru

	Pengetahuan Guru	Kemahiran Guru	Sikap Guru
Pengetahuan Guru	1	.790**	.566**
Kemahiran Guru	.790**	1	.641**

* signifikan 2 hala $p < 0.01$

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dengan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah

Berdasarkan [Jadual 6](#), nilai korelasi antara pengetahuan guru dengan kemahiran guru ialah $r=0.790$ dan tahap signifikan $p=0.000$. Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.01 ($p < 0.01$). Oleh itu, hipotesis nol Ho_1 di tolak serta terdapat korelasi yang signifikan antara pengetahuan guru dengan kemahiran guru dalam pelaksanaan PLBD. Jadi, dapat disimpulkan bahawa kajian ini mendapati terdapat korelasi yang signifikan positif dan pada kadar hubungan yang kuat ([Chua, 2014](#)) antara pengetahuan guru dengan kemahiran guru dalam pelaksanaan PLBD ($r=0.790$, $p < 0.01$, $n=169$). Keputusan ini menjelaskan bahawa guru yang memiliki pengetahuan yang tinggi akan mahir melaksanakan PLBD dengan berkesan dalam mata pelajaran Sejarah.

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dengan sikap guru terhadap pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah

Seterusnya, nilai korelasi antara pengetahuan guru dengan sikap guru ialah $r=0.566$ dan tahap signifikan $p=0.000$. Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.01 ($p < 0.01$). Oleh itu, hipotesis nol Ho_2 ditolak serta terdapat korelasi yang signifikan antara pengetahuan guru dengan sikap guru dalam pelaksanaan PLBD. Dapatan boleh disimpulkan bahawa kajian ini mendapati terdapat korelasi yang signifikan positif dan pada kadar hubungan yang sederhana ([Chua, 2014](#)) antara pengetahuan guru dengan sikap guru dalam pelaksanaan PLBD ($r=0.566$, $p < 0.01$, $n=169$). Ini menunjukkan bahawa guru yang berpengetahuan tinggi akan memaparkan sikap yang positif dan baik dalam pelaksanaan PLBD.

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru dengan sikap guru terhadap pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah

Tambahan pula, nilai korelasi antara kemahiran guru dengan sikap guru ialah $r=0.641$ dan tahap signifikan $p=0.000$. Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.01 ($p < 0.01$). Oleh itu, hipotesis nol Ho_3 di tolak serta terdapat korelasi yang signifikan antara kemahiran guru dengan sikap guru dalam pelaksanaan PLBD. Jadi, dapat disimpulkan bahawa kajian ini mendapati terdapat korelasi yang signifikan positif dan pada kadar

hubungan yang sederhana (Chua, 2014) antara kemahiran guru dengan sikap guru dalam pelaksanaan PLBD ($r=0.641$, $p<0.01$, $n=169$). Keputusan ini menjelaskan bahawa guru yang memiliki kemahiran yang tinggi akan menunjukkan sikap yang positif sewaktu pelaksanaan PLBD.

5. Perbincangan Kajian

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati kesediaan guru terhadap pelaksanaan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala pengetahuan guru mempunyai hubungan positif yang kuat dengan kemahiran guru dalam melaksanakan PLBD. Pelaksanaan sesuatu kaedah pembelajaran yang baharu sangat bergantung kepada kesediaan guru agar ilmu dapat disampaikan secara berkesan (Sulaiman et al., 2017). Kajian ini mendapati kebanyakan guru belum mempunyai pengetahuan yang tinggi untuk melaksanakan PLBD dalam mata pelajaran Sejarah. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian Palavan, Cicek dan Atabay (2016) yang mengatakan bahawa kesediaan guru tidak mencapai tahap yang maksimum dalam melaksanakan PLBD kerana memaparkan pengetahuan yang rendah. Guru-guru Sejarah mendedahkan pengetahuan asas mereka dalam pelaksanaan PLBD. Walau bagaimanapun, mereka cenderung menganggap PLBD sebagai sekadar pendidikan alam sekitar tanpa bersentuhan dengan matlamat, teori dan amalan penting lain yang menentukan pendekatan serba dimensi ini (Oikonomou, 2012). Keadaan ini jelas menggambarkan kenapa pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PLBD masih belum mencapai tahap yang tinggi.

Selain pengetahuan, kemahiran guru terhadap pelaksanaan PLBD juga berada pada tahap sederhana tinggi. Setiap model PLBD memiliki ciri-ciri tersendiri yang memerlukan guru untuk menguasai sebelum melaksanakan dalam PdP. Penguasaan pengetahuan dalam teori pelaksanaan PLBD yang lemah menyebabkan guru kurang mahir dalam memilih model kaedah PLBD yang berkesan dengan aktiviti PdP yang dirancang. Ini kerana pedagogi yang lebih dinamik dan responsif dalam PLBD menyebabkan guru kurang yakin dan takut untuk mengaplikasikannya (Dyment et al. 2018). Seterusnya, sikap guru terhadap pelaksanaan PLBD juga berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini disokong dengan dapatan kajian oleh Parker (2022) dan Speedlin (2010) yang menjelaskan bahawa kebanyakan guru menunjukkan keraguan terhadap pelaksanaan PLBD kerana bimbang dengan tingkah laku yang tidak terkawal dari murid. Jadi, guru seharusnya berperanan untuk mewujudkan kepercayaan yang meyakinkan murid dalam memberi tumpuan dan fokus melalui proses pembelajaran di luar bilik darjah. Interaksi yang baik antara guru dan murid memainkan peranan penting dalam tingkah laku dan kerjasama murid untuk mencapai pembelajaran yang lebih efektif (Cincera et al. 2021). Justeru, pengetahuan, kemahiran dan sikap saling bergantung antara satu sama lain dan harus dimiliki oleh seseorang guru serta perlu dikaji bersama dalam mengenal pasti kesediaan pelaksanaan PLBD.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan kesediaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap merupakan faktor utama terhadap pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) dalam mata pelajaran Sejarah. Keputusan yang diperoleh daripada dapatan kajian menjelaskan bahawa kesediaan guru terhadap pelaksanaan PLBD berada pada tahap sederhana tinggi dan usaha perlu digiatkan untuk meningkatkan lagi tahap keberkesanannya. Hasil kajian ini juga memberikan pendedahan

kepada guru-guru Sejarah untuk memantapkan kualiti pengajaran dan mengembangkan lagi keupayaan pengajaran bertaraf dunia yang diperlukan dalam abad ke-21. Implikasi kajian ini membantu semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum Sejarah menilai kekuatan dan kelemahan melalui tahap kesediaan guru dan seterusnya merangka strategi yang sesuai.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) boleh mengetahui tahap kesediaan guru dalam melaksanakan kaedah PLBD serta bersedia untuk menganjurkan segala kursus, bengkel dan program yang berkaitan agar memberikan panduan kepada guru-guru mengaplikasikan pendekatan ini dalam proses PdP Sejarah. Sebagai seorang guru seharusnya bersedia menerima maklumat terkini dari pihak kementerian kerana guru merupakan anggota pelaksana yang bertanggungjawab dalam memantapkan sistem pendidikan negara kita. Kesediaan yang tinggi dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap membantu guru untuk melaksanakan kaedah PLBD dengan lebih berkesan (Kelly et al., 2023). Hal ini akan menjadikan pembelajaran yang lebih bermakna, menyeronokkan dan melahirkan murid bertanggungjawab yang menghargai warisan negara dan budaya mereka.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik mematuhi garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilaksanakan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan berdasarkan piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan untuk menyertai kajian juga diperolehi dari semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penghargaan teristimewa kepada penyelia dan pensyarah Penulisan Akademik 2 atas bimbingan dan sokongan yang diberikan. Jutaan terima kasih juga buat para responden yang menjawab soal selidik dalam membantu menyiapkan penulisan ini.

Kewangan (*Funding*)

Tiada penerimaan bantuan kewangan dan tajaan. Segala kos ditanggung oleh penulis dalam menyiapkan kajian dan penerbitan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam penulisan ini.

Rujukan

Abbas, J., Aman, J., Nurunnabi, M., & Bano, S. (2019). The impact of social media on learning behavior for sustainable education: Evidence of students from selected universities in Pakistan. *Sustainability*, 11(6), 1683.

- Abd Hamid, A., Ahmad, A. R., & Awang, M. M. (2019, October). Concept, issues and challenges for effective facilitations in History education. In *The 2nd International Conference on Sustainable Development and Multi-Ethnic Society* (pp. 176-181). Redwhite Press.
- Afshar F, N., & Barrie, A. (2021, February). *The significance of outdoor learning environments in innovative learning environments* [Paper Presentation]. Proceedings of the 2020 APRU Sustainable Cities and Landscapes Hub PhD Symposium, Future Cities Research Hub, University of Auckland. <https://doi.org/10.17608/k6.auckland.13578134.v2>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2021). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. (Edisi Kedua). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Borsos, É., Banos-González, I., Boric, E., Lyngved Staberg, R., & Fekete, A. B. (2022). Trainee teachers' perceptions of outdoor education. *Environmental Education Research*, 28(10), 1490-1509. <https://doi.org/10.1080/13504622.2022.2031901>
- Bozkurt, F. (2021). Outdoor social studies experiences of teacher candidates. *Journal of Qualitative Research in Education*, 28, 183-203.
- Çengelci, T. (2013). Social Studies Teachers' Views on Learning outside the Classroom. *Educational Sciences: Theory and Practice*, 13(3), 1836-1841.
- Chakraborty, A., & Mondal, B. C. (2014). Attitude of prospective teachers towards teaching profession. *American Journal of Social Sciences*, 2(6), 120-125.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan-Asas Statistik Penyelidikan (Buku 2)*, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Cincera, J., Zalesak, J., Kolenaty, M., Simonova, P., & Johnson, B. (2021). We love them anyway: outdoor environmental education programs from the accompanying teachers' perspective. *Journal of Outdoor and Environmental Education*, 24(3), 243-257. <https://doi.org/10.1007/s42322-021-00084-9>
- Dyment, J. E., Chick, H. L., Walker, C. T., & Macqueen, T. P. (2018). Pedagogical content knowledge and the teaching of outdoor education. *Journal of Adventure Education and Outdoor Learning*, 18(4), 303-322.
- Dubrin, S. D. (2002). Self-confidence and the Cognitive Accessibility of Strengths and Weaknesses after Failure. *Journal of Personality and Social Psychology*, 75(1), 178-197.
- Emo, W. (2015). Teachers' motivations for initiating innovations. *Journal of Educational Change*, 16, 171-195. <https://doi.org/10.1007/s10833-015-9243-7>
- Fazila Norbaini Fakhrumarzuki & Mohd Mahzan Awang. (2019). Pedagogi Pendidikan Sejarah: Kreativiti dan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). *Jurnal Persidangan Kebangsaan Amalan Terbaik Pembelajaran & Pemudahcaraan (PdPc) dan Pertandingan Inovasi (NCBPi)*, 93-102.
- Foran, A. (2008). An Outside Place for Social Studies. *Canadian social studies*, 41(1), 1-9.
- Habib Mat Som, (2005). *Profil kesediaan guru sekolah menengah terhadap pelaksanaan perubahan kurikulum* [Doctoral dissertation]. Universiti Malaya.
- Holland, A., Hayward-Anderson, C., Mayes, J., & Sanders, D. (2018). Teaching and learning Indigenous history in comparative and transnational frame: lessons from the coalface. *History Australia*, 15(1), 151-172.
- Hunter, J., Syversen, K. B., Graves, C., & Bodensteiner, A. (2020). Balancing Outdoor Learning and Play: Adult Perspectives of Teacher Roles and Practice in an Outdoor Classroom. *International Journal of Early Childhood Environmental Education*, 7(2), 34-50.
- Karlsen, J. T., & Gottschalk, P. (2004). Factors affecting knowledge transfer in IT projects. *Engineering Management Journal*, 16(1), 3-11.

- Kelly, S. K., Sharpe, R. M., & Fotou, N. (2023). Early years and key stage 1 teachers' attitudes towards outdoor and online play. *Education 3-13*, 51(6), 893-906.
- Kiamsin, L. @ L., & Talin, R. (2018). Kaedah Pengajaran Sejarah yang Diminati Pelajar dan Justifikasinya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(2), 137 - 145. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v3i2.92>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- McGuinness, M., & Simm, D. (2005). Going global? Long-haul fieldwork in undergraduate geography. *Journal of Geography in Higher Education*, 29(2), 241-253.
- Mills, G. E., & Gay, L. R. (2016). *Educational research: Competencies for analysis and applications*. Pearson.
- Mohamad Ikhwan Izam & Anuar Ahmad. (2018). Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah. *Proceedings International Conference on Social Studies (ICOSH 2018)*.
- Norliza Mat Ali. (2016). *Tahap kesediaan guru bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran di Selangor, Malaysia* [Master's thesis, Universiti Putra Malaysia]. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/65641>
- Nunnally, J.C., & Bernstein, I.H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Nurulhuda Mohd Sukri. (2013). *Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan kompetensi di kolej vokasional* [Master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia]. <http://eprints.utm.my/id/eprint/42005/5/NurulhudaMohdSukriMFP2013.pdf>
- Oikonomou, S. (2012). *Academic Teachers' Perceptions and Experiences of Outdoor Education* [Master's Thesis, Linköping University]. <https://urn.kb.se/resolve?urn=urn:nbn:se:liu:diva-79028>
- Özerk, G. (2020). Academic Boredom: An Underestimated Challenge in Schools. *International electronic journal of elementary education*, 13(1), 117-125.
- Palavan, O., Cicek, V., & Atabay, M. (2016). Perspectives of Elementary School Teachers on Outdoor Education. *Universal Journal of Educational Research*, 4(8), 1885-1893.
- Parker, L. (2022). Outdoor learning, a pathway to transformational learning? Or another educational gimmick. *International Journal for Cross-Disciplinary Subjects in Education*, 13(1), 4600-4611.
- Parry, J., & Allison, P. (Eds.). (2019). *Experiential Learning and Outdoor Education: Traditions of practice and philosophical perspectives*. Routledge.
- Prasetya, S. P., Segara, N. B., & Imron, A. (2020). Effectiveness of outdoor learning optimization program in learning social studies. *JPI (Jurnal Pendidikan Indonesia)*, 9(2), 314-327.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2006). *Garis Panduan Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Raja Maznah Raja Husin & Norizan Ahmad. (2008). Pengintergrasian Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran adakah kita sudah sedia? *Prosiding Seminar di Konvensi Teknologi Pendidikan ke 17, Pulau Pinang*.
- Saipo Ayub. (2005). Guru Menghadapi Perubahan. *Jurnal Institut Perguruan Islam*.
- Speedlin, C. (2010). Educators' Attitudes Toward Outdoor Classrooms and the Cognitive Benefits in Children. *Environmental Studies Undergraduate Student Theses*. 41. <https://digitalcommons.unl.edu/envstudtheses/41>
- Sulaiman, T., Hamzah, S. N., & Rahim, S. S. A. (2017). The relationship between readiness and teachers' competency towards creativity in teaching among trainee teachers. *International Journal of Social Science and Humanity*, 7(8), 10-13.

- Tumanduk, M. S. S. S., Kawet, R. S. S. I., Manoppo, C., & Maki, T. (2018). The influence of teacher readiness to learning achievement of vocational high school students in South Minahasa, North Sulawesi, Indonesia. *Proceedings of the 7th Engineering International Conference on Education, Concept and Application on Green Technology (EIC 2018)*, 481-486.
- Vincent-Lancrin, S., et al. (2019). *Fostering Students' Creativity and Critical Thinking: What it Means in School*. Educational Research and Innovation, OECD Publishing, Paris. <https://doi.org/10.1787/62212c37-en>.
- Waite, S. (2011). Teaching and learning outside the classroom: personal values, alternative pedagogies and standards. *Education 3-13*, 39(1), 65-82. <https://doi.org/10.1080/03004270903206141>
- Wayne Ross, E. (2019). The Challenges of Teaching Social Studies: What Teachers? What Citizenship? What Future? *Quin professorat, quina ciutadania, quin futur?* 39-52.